

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERASMIAN SEMINAR KEBANGSAAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

TEMPAT: DEWAN TUN DR. ISMAIL, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KL

TARIKH: 06 NOV 1987

MASA:

Assamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan selamat pagi,
Yang Berhormat En. Mustaffa Mohamad,
Menteri Kebajikan Masyarakat;
Dif-Dif Kehormat;
Tuan-tuan dan puan-puan,
Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa
Penganjur kerana menjemput saya untuk menyampaikan ucapan
dan seterusnya merasmikan Seminar Kebangsaan Kebajikan
Masyarakat pada pagi ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Saya difahamkan bahawa salah satu perkara yang akan
dibincangkan di dalam Seminar ini ialah mengenai
kanak-kanak, orang tua dan orang cacat. Kebajikan bagi
ketiga-tiga golongan yang tertentu ini amatlah perlu diberi
perhatian yang khusus, bukan sahaja oleh pihak Kerajaan,
bahkan juga oleh masyarakat keseluruhannya. Ketiga-tiga
golongan ini adalah terdiri dari mereka yang
memerlukan bimbingan, sokongan dan bantuan dari Kerajaan dan
masyarakat untuk membantu mereka hidup dalam kesejahteraan.
Tanpa bantuan dan perhatian oleh masyarakat, ada kemungkinan
masyarakat akan menghadapi masalah sosial yang berat
kemudiannya.

3. Kita sangat bertuah kerana negara kita telah membangun
dengan begitu pesatnya dan membawa kemajuan kepada semua
lapisan masyarakat, sehingga ada yang dapat hidup selesa dan
mewah. Malangnya terdapat juga masalah sampingan di
kalangan masyarakat ataupun individu yang kurang
berkemampuan untuk mengikuti arus perubahan ini.

4. Norma dan nilai masyarakat telah turut berubah, di mana
pada masa ini ramai yang terlalu mengutamakan kekayaan
kebendaan. Akibatnya ialah segala nilai-nilai yang mulia
diketepikan dalam perbuatan mengejar kekayaan sehingga
merosotlah tahap dan piawai akhlak masyarakat. Keluarga
yang dahulu menjadi asas dan benteng masyarakat, sekarang
ini sudah retak. Ibu-bapa tidak lagi dekat dengan anak
mereka dan tidak lagi dapat mendidik dan menguasai gerakgeri
anak mereka secara berkesan. Sudah tentu abang dan kakak
tidak dapat mengawal adik-adik mereka seperti dahulu.

5. Dengan lemahnya institusi kekeluargaan, maka akan

terjejaslah prestasi masyarakat dan kemajuan negara. Kerajaan memerlukan rakyat yang cergas dan berdisiplin untuk menjamin kebahagiaan dan pembangunan negara. Justeru itu pelbagai kemudahan dan perkhidmatan telah disediakan oleh Kerajaan ke arah meningkatkan pencapaian rakyat. Tetapi Kerajaan dengan sendirinya tidak akan dapat mencapai matlamat yang mulia tanpa penyertaan secara langsung dan penuh minat oleh keluarga dan anggota masyarakat.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

6. Di zaman serba mencabar ini ibu bapa dan masyarakat hendaklah selalu berwaspada terhadap kelakuan dan tingkahlaku anak-anak mereka. Seseorang kanak-kanak memerlukan perhatian, kasih-sayang serta bimbingan dan pengawasan yang rapi dari ibu bapa atau penjaga mereka untuk membolehkan mereka membesar sebagai seorang yang berjaya. Ibu bapa perlulah juga memberi penekanan terhadap pendidikan rohaniah kepada anak-anak mereka, kerana dengan adanya asas keagamaan yang kuat akan dapat membantu seseorang itu menangkis pengaruh-pengaruh yang kurang sihat.

7. Masyarakat perlu memainkan peranan mereka untuk membantu, mengawal dan mengambil berat terhadap perilaku kanak-kanak dan memberi teguran yang membina. Masyarakat desa dahulu di mana tiap-tiap orang individu saling bantu membantu di antara satu sama lain di dalam semua soal kemasyarakatan, perlu dihidupkan semula dan dikembangkan ke semua kawasan perumahan, terutama sekali dibandar-bandar. Sifat individualisme atau mementingkan diri sendiri tanpa menghiraukan jiran tetangga, perlulah dikikis kerana kestabilan sesuatu masyarakat itu bergantung kepada keutuhan ahli-ahlinya. Melalui usaha badan atau pertubuhan sukarela, saya menyeru supaya usaha-usaha kemasyarakatan dan perpaduan hendaklah dipupuk di kalangan semua ahli masyarakat di negara ini.

8. Tuan-tuan dan puan-puan hadirin diharapkan dapatlah berganding bahu di antara satu sama lain tanpa mengira keturunan, bangsa dan agama, bagi mencurahkan tenaga bakti dan memberi perkhidmatan kepada ahli masyarakat yang memerlukannya. Melalui kerja-kerja kebajikan dan bantuan yang dihulurkan sama ada berupa wang ringgit, tenaga atau kepakaran akan mengeratkan lagi perhubungan silaturrahim dan juga semangat perpaduan di negara ini. Sebagai rakyat Malaysia kita perlulah hidup hormat-menghormati di antara satu sama lain kerana kesejahteraan dan kestabilan negara ini adalah bergantung di atas keharmonian dan keteguhan rakyat keseluruhannya.

9. Sumbangan dan penyertaan masyarakat serta individu dalam aktiviti-aktiviti kebajikan amatlah diperlukan oleh Kerajaan untuk mengatasi dan membendung sesuatu masalah yang timbul di kalangan masyarakat kita. Melalui Seminar yang akan berjalan selama tiga hari ini, saya berharap semoga para peserta sekalian akan dapat

membincangkan dengan terperinci mengenai masalah-masalah semasa dan cara bagaimana untuk membendung dan mencari pendekatan yang sesuai di segi penyelesaiannya, terutama sekali di dalam bidang penglibatan masyarakat di dalam kerja-kerja pencegahan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Tiap-tiap individu atau seseorang itu dilahirkan ke dunia ini dengan sesuatu keistimewaannya. Walaupun seseorang itu mengalami sesuatu kekurangan, seperti kecacatan dan sebagainya, namun ia masih mempunyai sesuatu keupayaan yang boleh digunakan jika diberi peluang dan pengasuhan yang sempurna. Justeru itu, tiap-tiap tenaga yang ada di dalam masyarakat kita perlulah digembeling untuk memberi sumbangan dan khidmat terhadap pembangunan negara. Seseorang itu sama ada ia seorang kanak-kanak, orang tua, atau orang cacat, mempunyai sesuatu kebolehan yang boleh digunakan dan digembeling untuk kepentingan dirinya dan secara langsung atau tidak langsung kepada masyarakat. Sehubungan dengan ini, sangatlah penting bagi mereka ini, terutama mereka yang tua dan yang cacat, diberi segala kemudahan dan sokongan untuk membolehkan mereka hidup dengan lebih bermakna dan tidak tersisih dari masyarakat.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

11. Rakyat di negara ini sudah terkenal kerana kebaikan atau kemurahan hati mereka, di mana ramai daripada kita tidak teragak-agak untuk tampil ke hadapan atau memberi sumbangan, sama ada tenaga atau wang ringgit, untuk membantu mereka yang ditimpa kemalangan ataupun bencana. Sifat murah hati dan suka membantu atau menolong seseorang di dalam kesusahan adalah satu ciri yang baik yang ada di kalangan masyarakat kita, dan tabiat ini sudah seharusnya dikembangkan dan digembeling untuk kepentingan masyarakat yang kurang bernasib baik melalui kerja-kerja amal ataupun kebajikan. Saya berharap semoga kegiatan dan penubuhan persatuan atau badan sukarela di negara ini dapat diperkembangkan dan pihak Kerajaan sentiasa akan memberi galakan dan dorongan, ataupun bantuan yang munasabah ke arah pencapaian matlamat itu.

12. Melalui Seminar ini bolehlah dibincangkan cara yang lebih berkesan untuk mempertingkatkan dan menggembeling tenaga sukarela untuk kerja-kerja kebajikan di negara ini. Saya berkeyakinan penuh bahawa Seminar ini akan dapat memberi manfaat seperti yang diharapkan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat di atas usahanya mengadakan Seminar ini. Seterusnya, saya dengan sukacitanya merasmikan Seminar Kebangsaan Kebajikan Masyarakat ini. Wabillahaufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan salam sejahtera.

